

FATWA MENGENAI WASIAT WAJIBAH



APA ITU WASIAT WAJIBAH?



Wasiat wajibah ialah pemberian harta pusaka kepada cucu yang kematian ibu atau bapa lebih awal daripada datuk atau nenek mereka. Ia dilaksanakan bagi menjaga kebajikan cucu yang tidak mendapat bahagian faraid daripada harta pusaka datuk atau nenek.

ANTARA SYARAT-SYARAT WASIAT WAJIBAH



Penerima Wasiat Wajibah

- Cucu lelaki atau cucu perempuan daripada anak lelaki dan perempuan.
- Datuk atau nenek telah meninggal dunia.

Kematian Ibu/Bapa Cucu

Ibu atau bapa kepada cucu telah meninggal dunia lebih awal daripada datuk/nenek, atau meninggal dunia serentak.

Bukan Waris Harta Pusaka

Cucu tersebut bukan waris yang berhak menerima pusaka datuk secara faraid atau asabah.

Tiada Halangan Syarak

- Cucu tidak berlainan agama dengan ibu atau bapanya.
- Cucu tidak terlibat dalam pembunuhan ibu atau bapanya.

Tidak Pernah Menerima Harta Yang Mencukupi

Jika datuk atau nenek telah memberikan harta melalui hibah, wakaf atau wasiat yang nilainya sama atau lebih daripada kadar wasiat wajibah, maka cucu tidak lagi layak menerimanya.

Kadar Wasiat Wajibah

- Maksimum sebanyak 1/3 daripada harta pusaka.
- Bahagian yang diterima tidak boleh melebihi bahagian yang sepatutnya diterima oleh ibu atau bapanya jika masih hidup.

Sebelum pembahagian wasiat wajibah dibuat:

- Urusan jenazah
- Hutang piutang si mati
- Wasiat ikhtiyariyyah

Pembahagian Mengikut Faraid

Pembahagian kepada cucu lelaki dan perempuan dibuat mengikut kadar faraid yang ditetapkan oleh syarak

FATWA MENGENAI WASIAT WAJIBAH

FATWA WASIAT WAJIBAH



Pelaksanaan wasiat wajibah adalah harus mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka di bawah Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.



KEPENTINGAN WASIAT WAJIBAH

Melindungi kebajikan cucu yang kehilangan ibu atau bapa

Memberi keadilan dalam pembahagian harta keluarga

Mengelakkan pertikaian dalam kalangan waris

PELAKSANAAN



Pelaksanaan wasiat wajibah hendaklah dibuat mengikut hukum syarak serta undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Melaka.



Imbas QR kod

Sila imbas kod QR untuk mendapatkan teks asal fatwa yang sahih dan lengkap.